

1983

PETALING JAYA, 24 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKAT HARI INI BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBANTU INDIVIDU, YAYASAN DAN SWASTA YANG INGI MENJAYAKAN PROGRAM PENGINDAHAN MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA PROGRAM-PROGRAM LAIN BAGI FAEDAH MASYARAKAT JUGA BOLEH DIBANTU TETAPI HENDAKLAH DILIHAT SEBAGAI KERJASAMA DAN TIDAK MENAMBAHKAN BEBAN KEPADA KERAJAAN.

CARA-CARA YANG LEBIH SESUAI BAGI MEMPERBAIKI LAGI KERAJASAMA SEUMPAMA ITU HARUSLAH DIKAJI BERSAMA, KATANYA, MERASMIKAN MERCUTANDA UMW BERHARGA \$1 JUTA DI PERSIMPANGAN LEBUHRAYA PERSEKUTUAN YANG MENGHALA KE LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR.

KATANYA PROGRAM MENGINDAHKAN NEGARA MENJADI LEBIH PENTING KERANA PROSES PEMBANGUNAN KERAP-KALI MENCERMAR ALAM SEKELILING DAN MELUPUTKAN KEINDAHAN SEMULAJADI.

PENGINDAHAN MALAYSIA AKAN MENJADI NEGARA INI BUKAN SAHAJA LEBIH INDAH DIPANDANG BAHKAN JUGA LEBIH SELESA DAN TEMTERAM DAN KERANA ITU PROGRAM-PROGRAM UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT PERLU DIBERI BOKONGAN OLEH SEMUA PIHAK, KATANYA. -- LAGI 1838/ZCM

MAHATHIR-PROGRAM 2 PETALING JAYA

TAMBAHNYA SAMBUTAN DARI PIHAK SWASTA UNTUK MENGAMBIL ALIH TANGGUNGJAWAB MENGINDAHKAN KAWASAN-KAWASAN TERTENTU YANG SELAMA INI DISELENGGARAKAN OLEH KERAJAAN ADALAH MENGGALAKKAN.

KATANYA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENYUMBANGKAN WANG RINGGIT DAN TENAGA TIDAK BERHARAP KEPADA BALASAN SECARA LANGSUNG TETAPI SECARA TIDAK LANGSUNG, BANYAK MANAFAAT AKAN DIPEROLEHI OLEH MEREKA YANG MEMPUNYAI SEMANGAT BERMASYARAKAT.

NEGARA YANG INDAH DAN BERSIH DENGAN SENDIRINYA AKAN MEMBAWA KEMAKMURAN YANG AKAN DINIKMATI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN TETAPI JIKA NEGARA MISKIN DAN DAIF MEREKA JUGA AKAN TERLIBAT.

BELIAU BERKATA TIDAK ADA KERAJAAN DI DUNIA YANG BOLEH MENGAWAL KEADAAN ALAM SEKELILING SEPENUHNYA JIKA RAKYAT SUKA MELAKUKAN JENAYAH, MENIPU, MENCEMAR ALAM SEKELILING DAN MENCETUSKAN HURU-HARA.

SEBAB ITULAH DALAM USAHA MENGINDAHKAN ALAM SEKELILING, SETELAH PEMBANGUNAN MENCEMARNYA, BUKAN SAHAJA KERAJAAN YANG PERLU BERUSAHA TETAPI ORANG RAMAI JUGA PERLU BERUSAHA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERANAN TERPENTING DARI ORANG RAMAI LALAH MENGELAK DARIPADA MENCERMAR ALAM SEKELILING.

BAGI YANG MAMPU PULA, PERDANA MENTERI MENYERU SUPAYA MEREKA BERUSAHA SENDIRI BUKAN SAHAJA MENJAGA KEADAAN YANG SEDIA ADA TETAPI JUGA MENGINDAHKAN KEADAAN SEKELILING RUMAHTANGGA DAN KAMPUNG HALAMAN MEREKA. -- LAGI 1846/OM

ZCZC 0682:

MAHATHIR-PROGRAM 3 PETALING JAYA

BAGI MEREKA YANG LEBIH MAMPU TERMASUK HARTAWAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT, MEREKA PATUTNYA MEMBANTU KERAJAAN DALAM USAHA MENGINDAHKAN ALAM SEKITAR, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN ITU MAKA KERAJAAN DAN RAKYAT MELALUI SYARIKAT-SYARIKAT DAN HARTAWAN AKAN MENJADI SATU BADAN ATAU PERSYARIKATAN YANG BERGERAK UNTUK KEBAIKAN NEGARA, SEKURANGKURANGNYA DALAM BIDANG PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR.

BELIAU JUGA MENERANGKAN BAHAWA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA BERMakNA PEMERINTAH DAN SWASTA BUKANLAH MERUPAKAN SEKTOR YANG BERTENTANGAN ANTARA SAMA SAMA LAIN TETAPI ANGGOTA YANG SEPAKAT DALAM USAHA MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH CEKAP.

SEBAGAI SATU PERSYARIKATAN, KEUPAYAAN MALAYSIA BERSAING DENGAN NEGARA LAIN DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN ADALAH LEBIH TINGGI DAN TENTU SEKALI AKAN MEMBAWA MANFAAT KEPADA SEMUA PIHAK. -- BERNAMA 1850/OM